

Skim pencen bekerja sendiri, usia tua diperkenal

Kementerian sedang buat draf dapatkan kelulusan Kabinet

PETALING JAYA - Kerajaan akan memperkenalkan skim pencen bekerja sendiri dan usia tua menjelang pertengahan tahun depan, selaras konsep kerajaan penyayang.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr S Subramaniam berkata, Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) akan menjalankan kajian aktuari mengenai dua skim itu.

"Kami juga dalam proses memperkenalkan tabung pemberhentian bagi pekerja sektor swasta," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sijil kepada 80 wanita yang menamatkan kursus latihan kemahiran kendalian Kementerian itu, di sini, semalam.



● Subramaniam menyampaikan mesin jahit kepada M.Thana Letchimi (tengah) sambil diperhatikan Ketua Wanita MIC, Datin Paduka Komala Devi.

Mengenai cadangan dana pencen usia tua, Subramaniam berkata, Perkeso perlu menentukan umur minimum

dan tempoh pembayaran bagi pencaram.

"Untuk skim keselamatan khas sosial bagi mereka be-

kerja sendiri tetapi tidak mencarum dengan Perkeso, kajian teliti dijalankan kerana melibatkan isu seperti tempat dan tempoh bekerja," katanya.

Subramaniam berkata, kementerianya sedang membuat draf bagi kedua-dua skim pencen itu untuk dikemukakan kepada Kabinet untuk kelulusan.

"Skim ini mesti berterusan, maka melibatkan proses termasuk peruntukan dana dan pindaan akta," katanya.

Katanya, niat kerajaan adalah memastikan pekerja sektor swasta turut menikmati faedah pencen mirip rakan mereka dalam perkhidmatan awam. - Bernama